

Rujukan Kami: IMU/IRDI/01/11-03(03)**Tarikh:** 3 Disember 2025

Tuan/Puan,

Permohonan Tajaan: Inisiatif Nasional Menangani Diabetes di Malaysia

Salam sejahtera daripada Pasukan “Seremban Diabetes (SeDia) Cohort”, sebuah inisiatif bersama antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan IMU University dalam usaha menangani agenda nasional ini. Malaysia berdepan dengan beban besar penyakit diabetes mellitus. Dianggarkan terdapat 3.9 juta pesakit diabetes pada tahun 2019, dan jumlah ini semakin meningkat. Kedatangan pesakit diabetes ke fasiliti kesihatan juga meningkat sebanyak 300% dalam tempoh 15 tahun. Pada tahun 2017, sejumlah RM3.1 bilion dibelanjakan untuk merawat diabetes sahaja (3 kali ganda lebih tinggi daripada merawat kanser) dan meningkat kepada RM4.9 bilion pada tahun 2019.

Mengenai Kohot SeDia

Diabetes dan komplikasinya adalah penyakit kompleks yang melibatkan interaksi pelbagai faktor. Faktor genetik adalah faktor utama, tetapi ia amat dipengaruhi oleh gaya hidup dan tingkah laku (diet, aktiviti fizikal) yang seterusnya dipengaruhi oleh persekitaran yang dibina. Interaksi pelbagai faktor ini mengambil masa bertahun-tahun untuk dizahirkan sebagai penyakit diabetes dan komplikasi. Interaksi kompleks pelbagai faktor ini hanya dapat dijelaskan dengan kukuh melalui kajian susulan jangka panjang, iaitu Kajian Kohot. Kohot SeDia, kajian kohot diabetes berskala besar yang pertama di negara ini, bertujuan untuk menjejaki 10,000 individu (pesakit diabetes, ahli keluarga dan individu bukan ahli keluarga yang tiada diabetes) selama 12 tahun untuk memahami interaksi kompleks antara faktor genetik, gaya hidup, dan persekitaran yang menyumbang kepada kejadian diabetes dan komplikasi-komplikasinya.

Menurut Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS 2019), Negeri Sembilan mencatatkan antara prevalens diabetes tertinggi di Malaysia pada kadar 33.2%. Kampus Klinikal IMU University terletak di Seremban, dan oleh itu tertubuhlah Kohot SeDia melalui MOU yang ditandatangani antara KKM dan Universiti IMU pada 17 Mei 2022. Kohot SeDia telah dilancarkan secara rasmi oleh DYMM Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir pada 8 Julai 2023.

Memahami interaksi kompleks pelbagai faktor amat kritikal bagi menghasilkan bukti saintifik berkualiti tinggi bagi pembangunan dasar menangani diabetes yang tepat, mempertingkatkan amalan klinikal, dan memperbaiki hasil kesihatan di seluruh negara.

Mengapa Ini Penting

Diabetes menjejaskan kumpulan umur yang paling produktif dari sudut sosioekonomi dan memberikan impak besar kepada produktiviti nasional. Komplikasi penyakit ini, seperti kegagalan ginjal yang memerlukan rawatan

dialisis, hilang penglihatan, amputasi, dan komplikasi jantung yang meningkat, menyebabkan beban sosial dan ekonomi yang semakin membebankan.

Kohort SeDia direka untuk menghasilkan ilmu pengetahuan transformatif yang akan:

- Memperbaiki pengesanan awal dan strategi penjagaan peribadi (personalised care).
- Mengurangkan komplikasi berkaitan diabetes melalui intervensi kesihatan awam yang tepat.
- Menyokong pembangunan program pencegahan dan dasar peringkat nasional.
- Memperkukuh kepimpinan Malaysia dalam penyelidikan penyakit tidak berjangkit (NCD).

Kajian kompleks jangka panjang memerlukan dana yang besar, dan kebanyakan kajian kohot di dunia dibiayai oleh dermawan dan sumbangan tanggungjawab sosial korporat. Kerajaan telah mengiktiraf Kajian Kohot SeDia sebagai agenda nasional, dan Menteri Kewangan telah meluluskan penubuhan Dana SeDia dengan had RM36 juta (surat kelulusan Kementerian Kewangan bil. MOF.700-/3/1/1022(3) bertarikh 8 Mac 2024).

Kerjasama Strategik Kohot SeDia

Kerjasama organisasi tuan/puan akan membantu memastikan kesinambungan dan perkembangan kajian nasional penting ini. Sebagai projek berstatus nasional, semua tajaan kewangan layak mendapat potongan cukai (sehingga 10% daripada pendapatan bercukai) di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.


Dengan menyokong Kohot SeDia, organisasi tuan/puan bukan sahaja menyumbang kepada penyelidikan diabetes yang mampu mengubah kehidupan, malah turut menyatukan jenama organisasi tuan/paun dengan keutamaan kesihatan awam Malaysia, matlamat ESG dan CSR, serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sertai Kami

Dengan bekerjasama dengan Kohot SeDia, organisasi anda menjadi sebahagian daripada usaha di seluruh negara untuk memerangi diabetes dan membina Malaysia yang lebih sihat. Bersama-sama, kita boleh memacu inovasi, kesaksamaan, dan kemampanan dalam penjagaan kesihatan.

Kami berbesar hati untuk bertemu dengan anda bagi membincangkan peluang penajaan dengan lebih lanjut. Terima kasih atas pertimbangan anda dan komitmen anda terhadap kesejahteraan komuniti. Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Pengurus Projek Kohot SeDia, Cik Heamaa Gunasegaran di heamaa@imu.edu.my.

Terima Kasih



PROF DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan)